

**JAWATANKUASA BELIA DAN SUKAN  
PERTUBUHAN ORANG CACAT PENGLIHATAN MALAYSIA  
Society Of The Blind In Malaysia (SBM)**

**SKIM INSENTIF SUKAN SBM**

**MAKLUMAT DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

**1. PENDAHULUAN:**

Adalah dengan ini diwujudkan satu skim yang dinamakan Skim Insentif Sukan SBM. Tujuan Skim ini diadakan adalah sebagai tanda penghargaan SBM kepada ahli-ahli yang menceburi bidang sukan yang akan mewakili Malaysia ke pertandingan peringkat antarabangsa.

**2. MATLAMAT:**

Skim ini bermatlamat sebagai dorongan kepada ahli-ahli SBM untuk terus aktif, bersemangat, maju dan cemerlang di dalam aktiviti sukan yang diceburi. Selain daripada itu, skim ini diberikan adalah bagi menampung sebahagian daripada kos semasa berada di luar negara. Walau bagaimanapun jumlah yang diberikan adalah tertakluk kepada kategori pertandingan yang disertai.

**3. KATEGORI PERTANDINGAN DAN JUMLAH INSENTIF:**

3.1 Menyertai Sukan Paralimpik Asean (ParaSea Games) dan menerima undangan/menyertai mana-mana pertandingan peringkat negara-negara Asean.

**Jumlah insentif: RM200.00**

3.2 Menyertai Sukan Asia / FESPIC Games dan menerima undangan/menyertai pertandingan peringkat negara-negara Asia.

**Jumlah insentif: RM300.00**

3.3 Menyertai Sukan Komanwel dan menerima undangan/menyertai pertandingan peringkat negara Eropah.

**Jumlah insentif: RM300.00**

3.4 Menyertai Sukan Paralimpik dan pertandingan peringkat dunia

**Jumlah insentif: RM500.00**

**4. PERUNTUKAN:**

Sejumlah RM3,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Sahaja) diperuntukan setiap tahun oleh SBM bagi tujuan pelaksanaan skim ini.

**5. KELAYAKAN MEMOHON:**

- 5.1 Mereka yang layak memohon skim ini hendaklah terdiri daripada ahli-ahli biasa SBM yang mempunyai keahlian selama setahun.
- 5.2 Pemohon hendaklah telah menjelaskan yuran tahunan sepenuhnya.
- 5.3 Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan dan menyertakan sekali surat tawaran mewakili Malaysia.
- 5.4 Tidak dihukum oleh Pertubuhan semasa permohonan ini dikemukakan.
- 5.5 Tidak melibatkan diri di dalam mana-mana aktiviti yang menentang Pertubuhan.

**6. CARA MEMOHON:**

- 6.1 Semua permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang permohonan yang disediakan dan dihantar kepada pengerusi Cawangan/Kawasan di mana pemohon menjadi ahli bagi Cawangan/kawasan tersebut beserta dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan di dalam syarat-syarat borang permohonan.
- 6.2 Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada Cawangan/kawasan 15 hari sebelum tarikh pertandingan atau selewat-lewatnya 15 selepas tarikh tamatnya pertandingan.
- 6.3 Pengerusi Cawangan/Kawasan hendaklah seterusnya memajukan borang-borang permohonan yang telah disahkan beserta dengan segala dokumen yang berkaitan kepada Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan dalam kadar yang segera.
- 6.4 Permohonan yang lewat dari tempoh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah tidak akan dipertimbangkan.

**7. DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:**

- 7.1 Satu salinan kad pengenalan pemohon.
- 7.2 Salinan resit yuran bagi tahun ini.
- 7.3 Salinan surat tawaran mewakili Malaysia.

**JAWATANKUASA BELIA DAN SUKAN  
PERTUBUHAN ORANG CACAT PENGLIHATAN MALAYSIA  
Society Of The Blind In Malaysia (SBM)**

**BORANG SKIM INSENTIF SUKAN SBM**

Sila teliti syarat-syarat dan peraturan skim ini terlebih dahulu sebelum mengisi borang permohonan.

Borang ini hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan dan dikemukakan bersama dokumen-dokumen yang diperlukan.

Nama Pemohon: \_\_\_\_\_

No. K/P: \_\_\_\_\_ Tarikh Lahir: \_\_\_\_\_

Tempatlahir: \_\_\_\_\_ Jantina: \_\_\_\_\_

Ahli Cawangan/Kawasan: \_\_\_\_\_ No. Ahli: \_\_\_\_\_

Alamat Surat-menyurat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Telefon: Pejabat \_\_\_\_\_ H/P \_\_\_\_\_

Rumah: \_\_\_\_\_

Pekerjaan: \_\_\_\_\_

Alamat Majikan: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Kategori Pertandingan Yang Disertai: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

**Diisi oleh Pengerusi Cawangan/Kawasan**

Saya mengesahkan bahawa \_\_\_\_\_  
adalah ahli SBM Cawangan/Kawasan \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Cop rasmi  
Nama penuh \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

**Diisi oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan SBM**

Permohonan ini lulus/tidak lulus dengan jumlah sebanyak RM \_\_\_\_\_  
Alasan jika tidak diluluskan \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Cop rasmi  
Nama penuh \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

**Diisi oleh Bendahari Pusat SBM**

Bayaran telah dibuat kepada \_\_\_\_\_  
Sebanyak RM \_\_\_\_\_ secara tunai/cek pada \_\_\_\_\_ No. Cek \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Cop rasmi  
Nama penuh \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_